

Ratusan ribu warga kota terperangkap

1,500 mangsa banjir pindah ke pusat pemindahan

Oleh Sarah Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Ratusan ribu warga kota, khususnya yang dalam perjalanan ke tempat kerja terperangkap berjam-jam dalam kesesakan luar biasa awal pagi semalam, susulan hujan lebat dan banjir kilat sejak petang kelmarin.

Keadaan diburukkan lagi dengan penutupan terowong SMART sejak 8 malam kelmarin, berikutan kenaikan paras air di beberapa tempat di sekitar ibu kota yang menyebabkan dek bawah dan atas terowong itu turut dipenuhi air. SMART dijangka dibuka semula kepada pengguna seawal-awalnya Isnin depan.

Tinjauan *Sentral* pagi semalam mendapati keadaan lalu-lintas sesak teruk di laluan masuk ke ibu negara, terutama di Lebuhraya Maju Expressway, Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Lebuhraya Uta-



Kini (pagi semalam) kedua-dua dek atas dan bawah dipenuhi air sehingga paras siling terowong dan berdasarkan kepada maklumat, air akan berada di dalam takungan terowong selama satu hingga dua hari hingga proses mengepam air keluar selesai selepas proses pengeringan dibuat bermula jam 10 pagi (semalam)

Mohd Noor Mohd Ali
Ketua Perhubungan Awam dan Operasi SMART

ra-Selatan (PLUS) dari arah Seremban ke Kuala Lumpur dan Jalan Sungai Besi, selain Jalan Ampang.

Jurucakap PLUS berkata, trafik dilaporkan mengalami kesesakan di Plaza Tol Sungai Besi menghala ke pusat bandar raya disebabkan penutupan terowong SMART dan kesesakan itu berlaku dilaporkan sejak jam 6.30 pagi.

Ibu kota yang dilanda hujan luar biasa lebih 15 jam bermula jam 6 petang kelmarin sehingga jam 10 pagi semalam, turut mengakibatkan kira-kira 1,500 mangsa khususnya di Ampang dan Hulu Langat dipindahkan ke pusat pemindahan selepas kediaman mereka dinaiki air.

Ribuan kereta dikatakan turut terperangkap malam kelmarin, manakala kejadian pokok tumbang turut dilaporkan di sana sini.

Penguasa Bomba dan Penyelamat Hulu Langat, Rafie Sapar, berkata seramai 413 mangsa dipindahkan ke Surau Kampung Belacan sehing-

● BERNAMA



LALU lintas sesak beberapa kilometer dari utara ke pusat bandar raya di Plaza Tol Duta, kelmarin.

ga awal pagi semalam, selepas 150 rumah ditenggelami air di Kampung Belacan dengan kedalaman sehingga dua meter.

Beliau berkata, banjir juga berlaku di Batu 12 Hulu Langat dengan 661 penduduk dipindahkan ke pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai dan Balai Raya Sungai Serai. Sesi persekolahan di sekolah itu ditutup sementara.

"Seramai 82 anggota bomba masih bertugas dan tujuh buah bot ditempatkan di situ untuk membantu mangsa banjir dan sehingga kini air masih berada sedalam satu setengah meter," katanya.

Ketua Perhubungan Awam dan Operasi Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd (SMART), Mohd Noor Mohd Ali, berkata amaran penutupan diarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS) selepas paras air takungan di kedua-dua sistem dek takungan dipenuhi jumlah air sehingga ke paras luar biasa.

"Kini (pagi semalam) kedua-dua dek atas dan bawah dipenuhi air sehingga paras siling terowong dan berdasarkan kepada maklumat, air akan berada di dalam takungan terowong selama satu hingga dua hari hingga proses mengepam air keluar selesai selepas proses pengeringan dibuat bermula jam 10 pagi (semalam).

"Pengguna SMART dinasihatkan merancang perjalanan dan mendengar perkembangan trafik yang dikeluarkan Lebuhraya SMART dengan melayari laman web SMART di www.smarttunnel.com.my, termasuk mengikuti paparan elektronik yang ada di sepanjang laluan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*.



MANGSA banjir dipindahkan ke pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat selepas hujan lebat dan banjir kilat sejak petang kelmarin.